

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan agar tambang percuma kenderaan awam yang diberikan oleh Kerajaan seperti LRT, MRT, bas dan komuter hanya dimanfaatkan khususnya oleh rakyat tempatan sahaja. Berapa ramai warga asing yang turut menikmati kemudahan percuma ini berbanding dengan warga tempatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif tambang percuma yang telah diumumkan tempoh hari hanyalah merupakan salah satu usaha bagi mengurangkan beban rakyat ekoran peningkatan kos sara hidup kesan daripada isu kewangan, ekonomi dan keselamatan dunia. Inisiatif ini bukanlah merupakan satu ketetapan kekal, dan hanya berkuatkuasa untuk tempoh satu bulan sahaja iaitu mulai pada 16 Jun sehingga 15 Julai 2022. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menggalak dan mempromosi penggunaan sistem pengangkutan awam kepada orang ramai terutamanya yang melibatkan laluan Fasa 1 MRT Laluan Putrajaya.

Tambang percuma ini adalah terbuka kepada semua termasuk kepada warganegara asing. Tiada elemen kawalan ditetapkan kerana inisiatif ini adalah percuma. Oleh yang demikian, tiada sebarang maklumat yang boleh menunjukkan perbandingan antara pengguna warganegara asing dan warga tempatan.

Sekian, terima kasih.